

Hadapi cabaran liberalisme, pluralisme

Ulama, ilmuwan perlu ke hadapan

Dominasi Barat perlu ditangani segera demi kelangsungan tamadun Islam

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Survival umat Islam hari ini bergantung kepada peryatuan ummah. sekali gus memerlukan dukungan ulama dan ilmuwan dalam pengajian agama untuk memikirkan penyelesaian kepada sebarang kemelut yang berlaku.

Mereka juga perlu bertindak sebagai penyelamat kepada pelbagai ancaman khususnya sebarang usaha menggugat jati diri Muslim dan negaranya.

Apatah lagi dalam alaf baharu ini, tamadun Barat tampil dengan pelbagai cubaan agresif untuk memecahbelahkan umat Islam hingga imej Islam ditampik dan ditunjukkan dalam buasan yang begitu negatif.

Melaluinya, proses penjajahan dan pemaksaan nilai asing kepada umat Islam yang sukar dihalang secara fizikal berlaku kerana hadir dalam pelbagai bentuk termasuk pengaruh teknologi moden dan pemikiran bebas.

Penerima Anugerah Gelaran Profesor Emeritus (Pengajian Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Zakaria Sapa, berkata dominasi Barat perlu ditangani segera demi kelangsungan tamadun Islam.


"Pengisian ketamadunan Barat daripada sudut faham dan falsafahnya jelas tidak selari dengan tamadun Islam.

"Dalam konteks ancaman ini, sejak pertengahan kedua alaf lepas, dunia sudah mula memasuki era pascamodern yang membawa bersamanya fahaman pascamodernisme dan gelombang globalisasi.

"Alaf baharu ini juga adalah tempoh pasca 'Perang Dingin' sekali gus Islam bersama peradabannya dituding sebagai peradaban yang berupaya mencahar dominasi peradaban Barat," katanya dalam Syarahan Sanjungan Budi 50 Tahun Fakulti Pengajian Islam Menelusuri Sejarah dan Caharan Alaf Baharu di UKM, Bangi.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaring Industri dan Masyarakat), UKM, Prof Datuk Dr Imran Ho Abdillah dan Dekan FPI, Prof Dr Wan Kamal Mujani.

Zakaria yang juga Penyanggah Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari UKM, ber-



Zakaria menyampaikan Syarahan Sanjungan Budi 50 Tahun Fakulti Pengajian Islam Menelusuri Sejarah dan Caharan Alaf Baharu di UKM, Bangi, baru-baru ini. (Foto: Rosli bin Ali/011)

kata, ada banyak perkara perlu diperbetulkan termasuk aspek ekosistem masyarakat Islam itu sendiri khususnya daripada sudut pembangunan akidah dan penghayatan akhlak yang dilihat berlarut serta tidak komprehensif.

"Melihatkan fenomena hari ini, apa yang ditamam dan dididik di rumah kelihatannya terlengkapat di luar rumah termasuk di sekolah, apabila anak kita terdedah dengan pelbagai perkara negatif, sekali gus menunjukkan penghayatan akhlak berada di tahap cukup rendah.

"Lihat sahaja, ada dalam ka-lingan masyarakat Muslim hari ini tidak segan sili mengaku bahawa melakukan perkara tidak baik hingga terstar di televisyen.

"Mungkin ada perkara yang kita tidak sedar sedang berlaku, tetapi ia perlu diperbetulkan," katanya.

Menurut Zakaria, tidak dinafikan alaf baharu menyediakan sejumlah peluang, ruang dan kemudahan tertentu apabila berlaku peralihan dalam bidang teknologi secara meluas.

Namun, ia mesti dimanfaatkan sepenuhnya dengan beradab secara positif demi kepentingan ummah.

"Apa yang menyumbang lebih banyak permasalahan dalam proses penyelarasan fahaman pascamodernisme ini, ia membawa manusia untuk tidak lagi melihat kebenaran adalah mudah.

"Akhirnya, apa yang dianggap penting adalah kumpulan minoriti termasuk pelaku lesbian, gay, bi-sesual dan transgender (LGBT).

"Jika ini dibicarakan, ia akan mengganggu dan mencacatkan pembinaan tamadun seperti yang kita sahsikatkan kini, iaitu proses pemaksaan supaya umat Islam menerimanya sedang bergerak walaupun tidak hadir secara fizikal," katanya.

Katanya, ada banyak gerakan

sedang dilakukan Barat yang tidak sepatutnya dipandang remeh, sebaliknya perlu ditangani supaya tidak mempengaruhi umat Islam.

"Ada banyak ancaman yang sedang masuk ke dalam dunia umat Islam termasuk liberalisme dan pluralisme dalam agama. Selain itu, bagaimana mereka mencipta istilah terorisme dan Islamofobia, selain mencetuskan perang terbuka antara negara Islam.

"Ini yang saya maksudkan keperluan untuk bergerak sebagai 'pendaulat' tamadun kerana semua perkara ini cukup berbahaya kepada masyarakat Muslim.

“Ilmuwan Islam perlu tampil perbetulkan tanggapan tidak benar dibawa Barat termasuk ruang lingkup menjelaskan falsafah ilmu dalam kaedah selari dengan ajaran Islam. Pandangan Islam jelas menyebut pencarian ilmu bermula dengan iqra' yang bermakna 'bacalah.' Justeru, apa pun pekerjaan kita dalam mendapatkan ilmu, ia perlu kepada paksi tauhid.

Zakaria Sapa, Penerima Anugerah Gelaran Profesor Emeritus (Pengajian Islam) UKM

"Kemajuan Barat adalah untuk melihat penguasaan agama kita menjadi tidak kukuh dan daci-pada satu alam berlaku perpindahan," katanya.

Beliau menambah, ilmuwan Islam perlu tampil memperbetulkan tanggapan tidak benar dibawa Barat termasuk ruang lingkup menjelaskan falsafah ilmu dalam kaedah selari dengan ajaran Islam.

"Pandangan Islam jelas menyebut pencarian ilmu bermula dengan iqra' yang bermakna 'bacalah.' Justeru, apa pun pekerjaan kita dalam mendapatkan ilmu, ia perlu kepada paksi tauhid.

"Umat Islam juga perlu disedarkan jangan sesekali mengamalakan sikap syok sendiri kerana kita perlu yakin hidup bukan sekadar di dunia, tetapi akhirat tu rut menanti," katanya.

Tambahnya, terkapai banyak lagi isu sewajarnya ditangani dengan baik dan amat wajar institusi atau universiti dalam bidang pengajian Islam menjadi pakar rujuk kepada umat Islam termasuk memberi penjelasan dan dakwah secara ibukahi serta berkesan.

"Antara perkara yang kurang dititik adalah permasalahan dalam kalangan mualaf di tanah air. Sepatutnya golongan ini perlu diberi fokus sama penting kerana mereka ada di merata tempat dan datipada pelbagai bangsa.

"Ada banyak masalah membe-linggu mereka, jadi mengapa tidak institusi dalam bidang pengajian Islam menjadi pakar rujuk dalam hal membabitkan golongan ini.

"Selain itu, saya turut lihat per-didikan ummah berbilang berbilang pangsudat dan tidak tersuam hingga berlaku pertindihan, apa bila beberapa pihak melakukan perlanggaraan dan malangnya, ia silih-guga sekiranya tidak helit-tan," katanya.

Pada syarahan sama, Zakaria turut mengulas sejarah Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM, iaitu fakulti terawal di tanah air yang memperkenalkan bidang pengajian Islam serentak pendirian universiti itu pada 1970.

"Tahun 2020 menyaksikan genap 50 tahun pada FPI yang hingga kini melahirkan lebih 20,000 graduan, bahkan ramai tokoh agamawan disegani dalam pelbagai disiplin ilmu pernah menduduki il-mu di sini.

"Menyusuri sejarah dan sambutan FPI yang cukup panjang, ia sebenarnya mencatat pelbagai kejayaan melalui sambutan ke-pakaran tenaga akademik termasuk dalam kalangan alumninya.

"Sesuai dengan kedudukan FPI yang berada dalam institusi ber-status penyelidikan, maka wujud keperluan supaya warganya mengilahi orientasi paradigma dan hala tuju ke arah menjadi pusat rujukan berorientasi dalam perka-ra berkaitan Islam termasuk ketamadunan serta permasalahan ummah.

Justeru katanya, FPI perlu ber-tunggal sebagai pawegang amalan dan pendaulat sebagai pusat pang-kalan data lengkap berbilang dan pusat rujukan berorientasi bagi membant-i dalam menanggapi pelbagai per-masalahan membabitkan umat Islam.

"Kekuatan bahasa dalam kalin-gan pelajar FPI yang seharusnya dibina yang bukan sahaja mahir dalam bahasa Melayu, bahkan menguasai bahasa Arab.

"Ia penting memandangkan banyak kitab rujukan penting ketamadunan Islam dan disiplin il-mu agama yang dititik dalam bahasa Arab.

"Justeru, perlu diperincikan dan dibina kepakaran bahasa Arab secara menyeluruh bagi me-lahirkan mualaf serta ilmuwan dalam penguasaan dalam yang ber-kuatiti," katanya.